

**NAMA : MOHAMAD FAUZI BIN MATLI  
NO. PELAJAR : P66912**

**RINGKASAN EKSEKUTIF**

**AMALAN KEPATUHAN RAWATAN TIBI SECARA DOT  
DALAM KALANGAN PESAKIT TIBI  
DI KLINIK KAWALAN TIBI DAN KUSTA  
LAHAD DATU, SABAH**

**PENGENALAN :**

Ketidakpatuhan amalan DOT merujuk kepada kegagalan pesakit mematuhi saranan makan ubat dan mencatatkan amalan makan ubat dihadapan kakitangan kesihatan atau penyelia yang dilatih oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Masalah ketidakpatuhan kepada rawatan DOT telah menyebabkan kes Tibi di Klinik Kesihatan Tibi dan Kusta Lahad Datu telah meningkat.

Justeru, kajian kepatuhan kepada amalan rawatan Tibi secara DOT telah dijalankan ke atas 30 orang pesakit Tibi yang tidak patuh bagi mengenalpasti keperluan mereka, selanjutnya pakej intervensi pendidikan kesihatan telah dijalankan bagi mengatasi masalah ketidakpatuhan dalam kalangan pesakit tersebut.

**OBJEKTIF :**

Untuk mengkaji tahap pengetahuan, sikap dan amalan terhadap kepatuhan rawatan secara DOT (Strategi ke 3 dalam DOTS) iaitu makan ubat mengikut arahan doktor dan membuat cacatan amalan tersebut dalam buku yang telah disediakan dalam kalangan pesakit Tibi di Klinik Kawalan Tibi dan Kusta Lahad Datu, Sabah.

## **METODOLOGI KAJIAN :**

Responden kajian dipilih melalui kaedah persampelan *universal*. Kajian ini mengambil masa selama empat bulan bermula pada bulan September 2013 hingga Disember 2013 yang meliputi kajian awal (pra) dan akhir (pasca) setelah intervensi dijalankan. Kaedah temubual menerusi borang soal selidik dan pemeriksaan borang TBIS 10-I merupakan alatan kajian untuk mendapatkan data yang lebih terperinci. Responden kajian diberikan pendidikan kesihatan yang meliputi ceramah, perbincangan kumpulan kecil, nasihat individu, wawancara radio, pengedaran risalah, pameran kesihatan dan penganjuran Mini Kem Kesihatan Tibi. Kepelbagai aktiviti intervensi pendidikan kesihatan adalah berteraskan Model Kepercayaan Kesihatan. Mesej Utama yang di perkenalkan adalah “Patuhi Rawatan Tibi, Anda Boleh Sembuh”.

## **HASIL KAJIAN :**

Responden kajian terdiri daripada 50.0% (15) orang lelaki dan 50% (15) orang perempuan yang mendapat rawatan Tibi secara DOT di Klinik Kawalan Tibi dan Kusta Lahad Datu, Sabah. Majoriti responden berumur di antara 21-30 tahun (20.0%) dan 41-50 tahun (20.0%). 80% responden adalah beragama Islam dan majoriti berbangsa Bajau (40.0%). Kebanyakan (66.7%) responden telah berkahwin dan 73.3% daripada keseluruhan responden berpendapatan di bawah garis kemiskinan (RM1050.00). Majoriti (33.3%) responden hanya bersekolah di peringkat sekolah rendah dan 53.3% tidak bekerja.

Hasil kajian menunjukkan min skor pengetahuan responden terhadap pengetahuan tentang penyakit Tibi selepas intervensi adalah lebih tinggi (min=11.8) berbanding sebelum intervensi (min=5.5) dengan *CI* 95%, (5.55, 7.12), perbezaan min signifikan sebanyak 6.33 dan nilai  $p < 0.001$ . Analisis ke atas sikap responden berdasarkan konstruk *tanggapan keterukan* mendapati *CI* 95%, (3.25, 4.62), perbezaan min signifikan sebanyak 3.93 dan nilai  $p < 0.001$ . Dari segi konstruk *tanggapan faedah* pula selepas intervensi sebanyak 53.3% responden berubah kepada bersikap positif.

Secara keseluruhannya terdapat 90.0% responden telah bersikap positif dan  $p < 0.05$  iaitu terdapat perbezaan yang signifikan tahap persepsi responden sebelum dan selepas intervensi. Responden yang bersikap positif terhadap *tanggapan halangan* juga meningkat kepada 76.7% selepas intervensi dengan nilai  $p < 0.05$  menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan sebelum dan selepas intervensi dijalankan. Bagi *keyakinan diri* turut meningkat di mana 56.7% orang responden berubah bersikap positif selepas intervensi dengan nilai  $p < 0.05$  yang menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan terhadap konstruk keyakinan diri dalam kalangan responden sebelum dan selepas intervensi. Responden yang bersikap positif terhadap *petunjuk kepada tindakan* berubah selepas intervensi iaitu min skor sebelum (3.73) meningkat selepas intervensi (9.97) dengan CI (5.79, 6.67), perbezaan min adalah signifikan sebanyak 6.23 dan nilai  $p < 0.001$ . Hasil analisis mendapati min skor amalan meningkat selepas intervensi (min=4.00) berbanding sebelum (min=3.33) dengan CI 95% (0.29, 1.04), perbezaan min adalah signifikan sebanyak 0.67 dan nilai  $p < 0.001$  iaitu terdapat perbezaan yang signifikan dari segi amalan responden dalam pematuhan rawatan Tibi secara DOT.

### **PERBINCANGAN :**

Kajian intervensi ini mendapati terdapat peningkatan yang ketara terhadap pengetahuan, sikap dan amalan terhadap amalan rawatan secara DOT dalam kalangan responden melalui kepelbagaiannya kaedah intervensi pendidikan kesihatan. Komunikasi interpersonal seperti nasihat individu, lawatan rumah kerumah dan motivasi berterusan merupakan kaedah yang paling baik kerana ia membolehkan penyelidik berhubungan rapat dengan responden terlibat dan memahami masalah dan keperluan mereka. Oleh itu, penyelidik mencadangkan agar program pendidikan kesihatan dilaksanakan secara berterusan dan berulang bagi mengekalkan kepatuhan rawatan Tibi secara DOT dalam kalangan pesakit Tibi.